

PENYATAAN PERAKUAN DIRI (PERMOHONAN KAD PEMANDU)

Bagi pemandu kelas teksi, kereta sewa dan teksi mewah

PENYATAAN PERAKUAN DIRI

Saya

Nombor Kad Pengenalan

Mengaku bahawa :

1. Saya tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah berdaftar di bawah Akta 7 (Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969);
2. Saya tidak disenarai hitam oleh JPJ, PDRM DAN LPKP;
3. Saya tidak memiliki atau telah menyelesaikan kes/kompaun daripada LPKP;
4. Saya tidak mempunyai tindakan pentadbiran yang diambil ke atas saya oleh LPKP;
5. Saya sihat dari segi mental dan fizikal;
6. Saya akan memaklumkan kepada LPKP sekiranya permohonan lesen PSV saya ditolak ke atas sebarang sebab;
7. Saya mempunyai perlindungan insurans yang merangkumi perlindungan diri, kenderaan, penumpang dan pihak ketiga;
8. Segala maklumat yang diberikan di dalam borang ini termasuk dokumen lampiran semasa berdaftar sebagai pemandu perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam adalah BENAR dan TERKINI;
9. Saya membenarkan sebarang proses semakan berkaitan apa-apa kesalahan jenayah, rekod senarai hitam, kes/kompaun/saman dilakukan oleh agensi kerajaan berkaitan dan /atau kontraktor atau syarikat yang berkaitan yang dilantik oleh LPKP;

Saya juga memahami bahawa permohonan ini akan ditolak atau Kad Pemandu saya boleh terbatal sekiranya LPKP mendapati saya:

1. Gagal melengkapkan borang permohonan dan/atau melampirkan dokumen yang diperlukan ada/atau tidak menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan ketika memohon;
2. Mengisytiharkan maklumat palsu di dalam borang permohonan ini atau melampirkan dokumen palsu semasa membuat permohonan; atau
3. Gagal mematuhi perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar/garis panduan bagi pemandu kenderaan perkhidmatan awam seperti yang ditetapkan oleh LPKP; atau
4. Gagal menghadiri sesi latihan seperti yang diarahkan oleh LPKP dalam tempoh yang telah ditetapkan (sekiranya berkaitan); atau
5. Gagal mematuhi peruntukan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dan undang-undang jalan raya yang lain.

PERINGATAN:

1. Sekiranya terdapat sebarang butiran palsu yang dikemukakan, tindakan di bawah Seksyen 42 Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 boleh diambil.
2. Pemohon diwajibkan membaca, memahami dan mematuhi segala peraturan dan dasar yang dikeluarkan oleh LPKP dari semasa ke semasa. Peraturan dan dasar ini boleh diperolehi daripada lama sesawang www.lpkpsabah.gov.my.

Tandatangan Pemohon :.....

Tarikh:.....